



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH
DALAM KURIKULUM MATA PELAJARAN SAINS RUMAH
TANGGA (SRT) BAGI SEKOLAH MENENGAH HARIAN DI
NEGERI KELANTAN**

OLEH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOR ASIMAH BINTI ZAKARIA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH
DALAM KURIKULUM MATA PELAJARAN SAINS RUMAH
TANGGA (SRT) BAGI SEKOLAH MENENGAH HARIAN DI
NEGERI KELANTAN**

OLEH



NOR ASIMAH BINTI ZAKARIA

**Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Pendidikan**

OGOS 2020





Penghargaan

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya disertasi ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Dr Zarina Mustafa yang sentiasa bersedia memberi sokongan, dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya tanpa rasa jemu. Segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan hanya Allah S.W.T yang dapat membalasnya.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada panel penilai disertasi iaitu Dr. Nooraida Yaakob dan Profesor Madya Dr Mohd Ali Samsudin kerana sudi membaca dan menilai disertasi ini. Tidak lupa juga kepada penyelaras program Ijazah Doktor Pendidikan Profesor Madya Dr Lim Hooi Lian diucapkan jutaan terima kasih kerana sentiasa memberi dorongan dan semangat kepada saya dalam melengkapkan penulisan ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana meluluskan permohonan cuti belajar saya. Dengan kelulusan yang diberikan, membolehkan saya memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengajian yang diikuti. Terima kasih juga kepada panel pakar iaitu Dr Suriani Mohamed, Puan Norizan Ismail, Puan Nik Nuraiby Febry Ibrahim dan Puan Diana Jumadi atas kesudian menyemak dan memberi pandangan bagi membolehkan penyelidik menghasilkan instrumen yang sah dan mantap.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa dan adik beradik saya yang sentiasa mendoakan kesihatan dan kejayaan saya sepanjang pengajian ini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyiapkan disertasi ini.



ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
ABSTARK	xix
ABSTRACT	xxi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Penyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	12
1.6	Persoalan Kajian	12
1.7	Hipotesis Kajian	15
1.8	Kepentingan Kajian	16
1.9	Batasan Kajian	18
1.10	Definisi Operasional	19
1.10.1	Penilaian	19
1.10.2	Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	19
1.10.3	Kurikulum Mata Pelajaran SRT	20
1.10.4	Input (<i>antecedents</i>)	20
1.10.4.1	Pengetahuan Asas Guru	21
1.10.4.2	Pengetahuan Murid	21

1.10.4.3	Kefahaman Murid	21
1.10.4.4	Kemudahan dan sumber	22
1.10.5	Proses (<i>transactions</i>)	22
1.10.5.1	Aktiviti	22
1.10.5.2	Tanggungjawab Murid	23
1.10.6	Hasil Jangka Pendek (<i>outcomes</i>)	23
1.10.6.1	Peningkatan Pengetahuan	24
1.10.6.2	Peningkatan Kemahiran	24
1.10.6.3	Sikap Positif Murid	25
1.10.7	Kekangan	26
1.11	Kesimpulan	26

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	27
2.2	Definisi Penilaian	27
2.3	Konsep Penyelidikan Pendidikan, Penilaian Program dan Penilaian Kurikulum	29
2.3.1	Penyelidikan Pendidikan	29
2.3.2	Penilaian Program	31
2.3.3	Penilaian Kurikulum	33
2.3.4	Perbezaan antara Penyelidikan Pendidikan, Penilaian Program dan Penilaian Kurikulum	35
2.4	Model-Model Penilaian Kurikulum	37
2.4.1	Pendekatan Berorientasikan Objektif	38
2.4.1.1	Model Penilaian Tyler	38
2.4.1.2	Model Penilaian Diskrepensi Provus	39
2.4.2	Pendekatan Berorientasikan Pengguna	40
2.4.2.1	Model <i>Goal Free Evaluation</i>	40
2.4.3	Pendekatan Berorientasikan Keputusan/Akauntabiliti	42

2.4.3.1	Model Penilaian CIPP	42
2.4.4	Pendekatan Berorientasikan Pelanggan	43
2.4.4.1	Model Stake <i>Countenance</i>	44
2.5	Justifikasi Pemilihan Model Penilaian Kurikulum	45
2.6	Model Stake <i>Countenance</i>	47
2.6.1	Kajian Lepas Menggunakan Model Stake <i>Countenance</i>	52
2.7	Perubahan dan Pelaksanaan Kurikulum	55
2.7.1	Faktor-Faktor Mempengaruhi Perubahan dalam Pelaksanaan Pendidikan	57
2.7.2	Pendekatan Pelaksanaan Kurikulum	59
2.7.3	Kepentingan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum	61
2.8	Pendidikan Vokasional	62
2.8.1	Perkembangan Pendidikan Vokasional	63
2.8.2	Masalah dalam Pendidikan Vokasional	68
2.8.3	Pendidikan Vokasional dan Pembangunan Modal Insan	73
2.9	Kurikulum Mata Pelajaran SRT	76
2.9.1	Matlamat Mata Pelajaran SRT	78
2.9.2	Objektif Mata Pelajaran SRT	79
2.9.3	Pelaksanaan Mata Pelajaran SRT Di Sekolah	80
2.9.4	Bahan-Bahan Kurikulum Mata Pelajaran SRT	80
2.9.5	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran SRT	81
2.10	Kerangka Teori Kajian	83
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	89
2.11.1	Fasa Input (<i>Antecedents</i>)	91
2.11.1.1	Pengetahuan Asas Guru	92
2.11.1.2	Pengetahuan dan kefahaman Murid	95
2.11.1.3	Kemudahan dan Sumber	96
2.11.2	Fasa Proses (<i>Transactions</i>)	97

2.11.2.1 Aktiviti Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah	98
2.11.2.2 Tanggungjawab Murid Dalam Pelaksanaan PBD Mata Pelajaran SRT	100
2.11.3 Fasa Hasil Jangka Pendek (<i>Outcome</i>)	102
2.11.3.1 Peningkatan Pengetahuan Guru	103
2.11.3.2 Peningkatan Kemahiran Guru	104
2.11.3.3 Sikap Positif Murid	105
2.11.3.4 Kekangan Dalam Pelaksanaan PBD	107
2.12 Kesimpulan	114

BAB 3: METODOLOGI

3.1 Pengenalan	115
3.2 Reka Bentuk Kajian	115
3.3 Populasi Kajian	116
3.4 Sampel Kajian	118
3.5 Kaedah Pengumpulan Data Kajian	121
3.5.1 Instrumen Kajian	122
3.6 Kajian Rintis	126
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	127
3.7.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Input (Soal Selidik Guru)	136
3.7.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Proses (Set Soal Selidik Guru)	138
3.7.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Hasil Jangka Pendek (Soal Selidik Guru)	140
3.7.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Input (Soal Selidik Murid)	142
3.7.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam	143

Komponen Proses (Soal Selidik Murid)	
3.7.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Hasil Jangka Pendek (Soal Selidik Murid)
3.7.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Konstruk Kekangan (Soal Selidik Guru)
3.8	Prosedur Pengumpulan Data Kajian
3.9	Kaedah Penganalisan Data Kajian
3.9.1	Analisis Deskriptif
3.9.2	Analisis Regresi Berganda
3.10	Kesimpulan

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	155
4.2	Profil Responden Kajian	155
4.2.1	Sampel Guru	156
4.2.2	Sampel Murid	158
4.3	Tahap Input (<i>Antecedents</i>)	159
4.3.1	Tahap Input Pelaksanaan PBD Bagi Guru	159
Mata Pelajaran SRT Di Sekolah Menengah Harian		
4.3.1.1	Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Standard Prestasi	161
4.3.1.2	Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Aras Taksonomi Bloom	161
4.3.1.3	Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan JSU	162
4.3.1.4	Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Kaedah Pemarkahan	163
4.3.1.5	Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Etika Penilaian	164
4.3.1.6	Tahap Kemudahan dan Sumber	165
4.3.2	Tahap Input Pelaksanaan PBD Bagi Murid	167

Mata Pelajaran SRT Di Sekolah Menengah Harian

4.3.2.1	Tahap Pengetahuan Murid Terhadap Pelaksanaan PBD	168
4.3.2.2	Tahap Kefahaman Murid Terhadap Pelaksanaa PBD	169
4.4	Tahap Proses (<i>Transactions</i>)	171

4.4.1	Tahap Proses Pelaksanaan Aktiviti PBD Bagi Guru	171
-------	---	-----

Mata Pelajaran SRT Di Sekolah Menengah Harian

4.4.1.1	Tahap Proses Pelaksanaan Aktiviti Pentaksiran Guru Dalam Membuat Perancangan	172
---------	---	-----

4.4.1.2	Tahap Proses Pelaksanaan Aktiviti Pentaksiran Guru Dalam Mentadbir Ujian	173
---------	---	-----

4.4.1.3	Tahap Proses Pelaksanaan Aktiviti Pentaksiran Guru Dalam Menganalisis Evidens dan Mengaplikasi Maklumat Pentaksiran	174
---------	---	-----

4.4.1.4	Tahap Proses Pelaksanaan Aktiviti Pentaksiran Guru Dalam Membuat Perekodan dan Pelaporan	175
---------	---	-----

4.4.2	Tahap Proses Tanggungjawab Murid Dalam Pelaksanaan	176
-------	--	-----

Aktiviti PBD

4.5	Tahap Hasil Jangka Pendek (<i>Outcomes</i>)	178
-----	---	-----

4.5.1	Tahap Hasil Jangka Pendek Guru	178
-------	--------------------------------	-----

4.5.1.1	Tahap Hasil Jangka Pendek Aspek Peningkatan Pengetahuan	179
---------	---	-----

4.5.1.2	Tahap Hasil Jangka Pendek Aspek Peningkatan Kemahiran	180
---------	---	-----

4.5.2	Tahap Hasil Jangka Pendek Pembetulan Sikap Positif Murid	182
-------	--	-----

4.6	Tahap Kekangan Guru Dalam Melaksanakan PBD	184
-----	--	-----

4.6.1	Tahap Kekangan Guru Dalam Melaksanakan PBD Dari Aspek Pelaksana (guru)	186
-------	---	-----

4.6.2	Tahap Kekangan Guru Dalam Melaksanakan PBD Dari Pentadbiran	186
-------	--	-----

4.6.3	Tahap Kekangan Guru Dalam Melaksanakan PBD Dari Murid Mata Pelajaran SRT	187
-------	---	-----

4.6.4	Tahap Kekangan Guru Dalam Melaksanakan PBD Dari Aspek Masa	188
-------	---	-----

4.7	Pengujian Hipotesis	189
4.7.1	Variabel yang Menyumbang Kepada Hasil Jangka Pendek Peningkatan Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBD	190
4.7.2	Variabel yang Menyumbang Kepada Hasil Jangka Pendek Peningkatan Kemahiran Guru Terhadap Pelaksanaan PBD	194
4.7.3	Variabel yang Menyumbang Kepada Hasil jangka Pendek Pembentukan sikap Positif Murid Terhadap Pelaksanaan PBD	199
4.8	Kesimpulan	206

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	207
5.2	Ringkasan Kajian	208
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	211
5.3.1	Tahap Penilaian Input Pelaksanaan PBD	212
5.3.1.1	Guru	212
5.3.1.2	Murid	217
5.3.2	Tahap Penilaian Proses Pelaksanaan PBD	218
5.3.2.1	Guru	218
5.3.2.2	Murid	221
5.3.3	Tahap Hasil jangka Pendek Pelaksanaan PBD	222
5.3.3.1	Guru	222
5.3.3.2	Murid	224
5.3.4	Tahap Kekangan dalam Melaksanakan PBD	225
5.3.5	Variabel yang Menyumbang kepada Pencapaian Hasil Jangka Pendek dalam Pelaksanaan PBD	227
5.4	Kesimpulan Kajian	229
5.5	Implikasi dan Cadangan Penambah Baik Pelaksanaan PBD Mata Pelajaran SRT	230

5.6	Sumbangan Kajian	232
5.6.1	Sumbangan Kepada Penambah baik Pelaksanaan PBD Terhadap Guru dan Murid Mata Pelajaran SRT	232
5.6.2	Sumbangan Kajian Kepada Instrumentasi	233
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	233
5.8	Penutup	235
RUJUKAN		236
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik Guru	254
LAMPIRAN B	Borang Soal Selidik Murid	265
LAMPIRAN C	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)	271
LAMPIRAN D	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Dari Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan	272
LAMPIRAN E	Surat Memohon Mendapatkan Maklumat/Data Sekolah yang Menawarkan Mata Pelajaran SRT	273
LAMPIRAN F	Penentuan Saiz Sampel Kajian Mengikut Formula Krejcie & Morgan (1970)	274
LAMPIRAN G	Surat Perlantikan Panel Pakar Penyelidikan	275
LAMPIRAN H	Surat Persetujuan Panel Pakar Penilai bagi Menentukan Kesahan Kandungan	279
LAMPIRAN I	Borang Penilaian Pakar Untuk Kesahan Kandungan	283
LAMPIRAN J	Analisis Kesahan Kandungan	303
LAMPIRAN K	Surat Memohon Bantuan Menjawab Soal Selidik	324
LAMPIRAN L	Surat Pengesahan Semakan Pruf Pakar Bahasa	325
LAMPIRAN M	Nilai Tolerance dan VIF antara Variabel Bebas dengan Variabel Bersandar	326
LAMPIRAN N	Analisis Regresi Berganda Bagi Variabel Bebas yang Mempengaruhi Peningkatan Pengetahuan Guru Dalam Melaksanakan PBD	328
LAMPIRAN O	Analisis Regresi Berganda Bagi Variabel Bebas yang Mempengaruhi Peningkatan Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan PBD	330



LAMPIRAN P Analisis Regresi Berganda Bagi Variabel Bebas yang
Mempengaruhi Pembentukan Sikap Positif Dalam
Melaksanakan PBD

332



SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Ringkasan Perbandingan Justifikasi Pemilihan Model Penilaian	47
Jadual 3.1	Saiz Sampel Mengikut Jumlah Populasi	121
Jadual 3.2	Kandungan Soal Selidik Guru Mata Pelajaran SRT	123
Jadual 3.3	Kandungan Soal Selidik Murid Mata Pelajaran SRT	124
Jadual 3.4	Respons dan Skala Mengikut Konstruk	125
Jadual 3.5	Kepakaran Panel Pakar Rujuk Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik	129
Jadual 3.6	Item yang Digugurkan Berdasarkan Cadangan Penilaian Pakar	131
Jadual 3.7	Item yang Diperbaiki Berdasarkan Cadangan Panel Pakar	132
Jadual 3.8	Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Mengikut Konstruk Bagi Komponen Input Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Guru)	137
Jadual 3.9	Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Mengikut Konstruk Bagi Komponen Proses Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Guru)	139
Jadual 3.10	Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Mengikut Konstruk Bagi Komponen Hasil Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Guru)	141
Jadual 3.11	Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Mengikut Konstruk Bagi Komponen Input Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Murid)	142

Jadual 3.12	Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Mengikut Konstruk Bagi Komponen Proses Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Murid)	144
Jadual 3.13	Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Mengikut Konstruk Bagi Komponen Hasil Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Murid)	145
Jadual 3.14	Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Mengikut Konstruk Bagi Konstruk Kekangan Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Guru)	146
Jadual 3.15	Interpretasi Skor Min	150
Jadual 4.1	Profil Responden Kajian (guru)	156
Jadual 4.2	Profil Responden Kajian (murid)	158
Jadual 4.3	Skor Min, Frekuensi dan Peratusan Dalam Aspek Penilaian Input Pelaksanaan PBD Bagi Guru Mata Pelajaran SRT Di Sekolah Menengah Harian Di Kelantan	160
Jadual 4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Standard Prestasi	161
Jadual 4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Aras Taksonomi Bloom	162
Jadual 4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan JSU	162
Jadual 4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Kaedah Pemarkahan	163

Jadual 4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Etika Penilaian	164
Jadual 4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Kemudahan dan Sumber	165
Jadual 4.10	Skor Min, Frekuensi dan Peratusan Dalam Aspek Penilaian Input Pelaksanaan PBD Bagi Murid Mata Pelajaran SRT Di Sekolah Menengah Harian Di Kelantan	167
Jadual 4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pengetahuan Murid	168
Jadual 4.12	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Kefahaman Murid	169
Jadual 4.13	Skor Min, Frekuensi dan Peratusan Dalam Aspek Penilaian Proses Aktiviti Pelaksanaan PBD Bagi Guru Mata Pelajaran SRT Di Sekolah Menengah Harian Di Kelantan	172
Jadual 4.14	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pelaksanaan Aktiviti Membuat Perancangan	173
Jadual 4.15	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pelaksanaan Aktiviti Mentadbir Ujian	174
Jadual 4.16	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pelaksanaan Aktiviti Menganalisis Evidens dan Mengaplikasi Maklumat Pentaksiran	175
Jadual 4.17	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pelaksanaan Aktiviti Membuat Perekodan dan Pelaporan	176
Jadual 4.18	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Tanggungjawab Murid Dalam Pelaksanaan Aktiviti PBD	177

Jadual 4.19	Skor Min, Frekuensi dan Peratusan Aspek Penilaian Hasil Jangka Pendek Dari Aspek Peningkatan Pengetahuan, Kemahiran, Pembentukan Sikap Positif Dalam Kalangan Guru	178
Jadual 4.20	Skor Min dan Sisihan Piawai Hasil Jangka Pendek Aspek Peningkatan Pengetahuan	179
Jadual 4.21	Skor Min dan Sisihan Piawai Hasil Jangka Pendek Aspek Peningkatan Kemahiran	181
Jadual 4.22	Skor Min dan Sisihan Piawai Hasil Jangka Pendek Aspek Pembentukan Sikap Positif Murid	182
Jadual 4.23	Skor Min, Frekuensi dan Peratusan Aspek Penilaian Tahap Kekangan Pelaksanaan PBD Guru Mata Pelajaran SRT Di Sekolah Menengah Harian Di Kelantan	185
Jadual 4.24	Skor Min dan Sisihan Piawai Penilaian Tahap Kekangan Dari Aspek Pelaksana (Guru)	186
Jadual 4.25	Skor Min dan Sisihan Piawai Penilaian Tahap Kekangan Dari Aspek Pentadbiran	186
Jadual 4.26	Skor Min dan Sisihan Piawai Penilaian Tahap Kekangan Dari Aspek Murid Mata Pelajaran SRT	187
Jadual 4.27	Skor Min dan Sisihan Piawai Penilaian Tahap Kekangan Dari Aspek Masa	188
Jadual 4.28	Analisis Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) Bagi Variabel Bebas yang Mempengaruhi Peningkatan Pengetahuan Guru Dalam Melaksanakan PBD	193
Jadual 4.29	Analisis Varians	193



Jadual 4.30	Analisis Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) Bagi Variabel Bebas yang Mempengaruhi Peningkatan Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan PBD	198
Jadual 4.31	Analisis Varians	198
Jadual 4.32	Analisis Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) Bagi Variabel Bebas yang Mempengaruhi Pembentukan Sikap Positif Murid Dalam Melaksanakan PBD	204
Jadual 4.33	Analisis Varians	204



SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	6
Rajah 2.1	Model Stake <i>Countenance</i>	50
Rajah 2.2	Cara Kerja Model Penilaian Stake <i>Countenance</i>	51
Rajah 2.3	Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah	78
Rajah 2.4	Kerangka Teoretikal	89
Rajah 2.5	Model Stake <i>Countenance</i>	110
Rajah 2.6	Kerangka Konseptual Kajian	113
Rajah 3.1	Formula Kesahan Kandungan Sidek & Jamaludin (2005)	130
Rajah 4.1	Graf Plot Normal Regresi	191
Rajah 4.2	Graf <i>Scatterplot</i> Taburan Regresi	191
Rajah 4.3	Graf Plot Normal Regresi	196
Rajah 4.4	Graf <i>Scatterplot</i> Taburan Regresi	196
Rajah 4.5	Graf Plot Normal Regresi	201
Rajah 4.6	Graf <i>Scatterplot</i> Taburan Regresi	201



SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JPNK	Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MPEI	Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PB	Peperiksaan Berpusat
PP	Pentaksiran Pusat
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
SRT	Sains Rumah Tangga
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian





PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DALAM KURIKULUM MATA PELAJARAN SAINS RUMAH TANGGA (SRT) BAGI SEKOLAH MENENGAH HARIAN DI NEGERI KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga (SRT) bagi sekolah menengah harian di Negeri Kelantan untuk mengemukakan cadangan penambah baik dalam pelaksanaan PBD kepada guru dan murid mata pelajaran SRT. Penilaian ini dibuat dengan menggunakan Model Stake *Countenance* (1967) yang berorientasikan pelanggan melibatkan tiga komponen iaitu komponen input, proses dan hasil jangka pendek. Penganalisan data dibuat dengan menggunakan program SPSS Window versi 24.0 di mana analisis deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai serta analisis inferensi Regresi Berganda digunakan. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru dan murid mata pelajaran SRT hampir berjaya secara keseluruhannya. Ini berdasarkan analisis kajian yang menunjukkan tahap hasil jangka pendek pelaksanaan PBD iaitu peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran guru berada pada tahap yang tinggi. Manakala, pembentukan sikap positif murid berada pada tahap yang sangat tinggi. Penilaian input menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, JSU, kaedah pemarkahan dan etika penilaian adalah tinggi begitu juga dengan tahap input pengetahuan dan kefahaman murid juga tinggi. Bagi penilaian tahap proses aktiviti pelaksanaan PBD guru menunjukkan bahawa tahap aktiviti membuat perancangan, mentadbir ujian dan membuat perekodan serta pelaporan adalah sangat tinggi, manakala aktiviti menganalisis evidens dan mengaplikasi





maklumat pentaksiran adalah tinggi. Bagi proses tanggungjawab murid menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Analisis Regresi Berganda mendapati terdapat satu variabel bebas yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran guru serta tiga faktor penyumbang kepada pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD.





AN EVALUATION OF IMPLEMENTATION OF CLASSROOM ASSESSMENT IN HOME SCIENCES SUBJECTS CURRICULUM IN SECONDARY SCHOOL IN KELANTAN

ABSTRACT

The main purpose of this study was to evaluate the implementation of Classroom Assessment in Home Sciences subject's curriculum at the secondary school in the states of Kelantan, to provide suggestions for improvement in the implementation of Classroom Assessment to teachers and students of Home Science subjects. This evaluation was performed by using the Stake *Countenance* Model, that is clients-oriented evaluation model that involves three components; Inputs, Process and Outcomes. The data analysis performed using SPSS Windows version 24.0. Descriptive analysis, such as frequency, percentage, mean and standard deviation were used to prove the research questions and inferential analysis as Multiple Regression to test the research hypothesis. The results showed that the implementation of Classroom Assessments among Home Science teachers and students is almost entirely successful. This is based on the analysis of the study which shows that the results of the immediate outcomes of the implementation of Classroom Assessment such as increasing teachers' knowledge and teachers' skills are at a high level. Meanwhile, the positive attitudes of students towards the assessment are at a very high level. The input evaluation show that the teacher's basic knowledge related to Performance Standards, Bloom's Taxonomy Level, Specification Test Schedule, scoring method and assessment ethics are high as well as the level of input related to student's knowledge and student's understanding toward assessment are high. As for the process evaluation, the result showed the level of the process of implementation of Classroom Assessment in planning, administering tests and recording and reporting is very high, while the





activity of analyzing evidences and applying assessment information is high. The Multiple Regression analysis found that there were one independent variable that contribute to the enhancement of the teacher's knowledge and teacher's skills towards assessment, three factors contributing to the formation of student's positive attitudes towards Classroom Assessment.





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan kini semakin mencabar dan sedang melalui pelbagai cabaran abad ke 21 bagi memenuhi kehendak masyarakat dan negara dalam melengkapkan generasi yang berkemahiran dan berfikiran aras tinggi serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Malaysia adalah sebuah negara yang kian membangun ke arah negara industri seperti yang dihasratkan dalam wawasan 2020. Pencapaian matlamat ini banyak bergantung pada kejayaan kerajaan melaksanakan pelbagai dasar dan strategi serta keberkesanan program latihan dan pendidikan vokasional terutamanya ke arah penyediaan pekerja berpengetahuan dan berkemahiran abad ke 21 (Marina, 2016).

Sehubungan dengan itu, dalam menghadapi cabaran globalisasi, perkembangan ekonomi dan perubahan teknologi yang pesat dan pantas, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memulakan langkah permulaan dengan melakukan Transformasi Pendidikan pada tahun 2009. Antara inisiatif yang diperkenalkan melalui transformasi pendidikan ialah memperkasakan Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi memperbanyakkan modal insan berkemahiran (Ghazali & Abdul Said Ambotang, 2017). Lanjutan daripada program Transformasi Pendidikan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 -2025 telah dilancarkan oleh KPM pada 6 September 2013 (PPPM 2013).





Justeru itu, dalam usaha meningkatkan akses dalam pendidikan teknik dan vokasional di sekolah menengah kebangsaan harian, sepuluh Mata pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) diperkenalkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) sebagai satu langkah melahirkan generasi yang berpengetahuan, berkemahiran dan terlatih dalam perkara asas bagi beberapa bidang pekerjaan yang telah dikenal pasti (BPK, 2014). MPEI memberi penekanan kepada latihan berbentuk amali atau praktikal (*hands-on*) yang berasaskan kepada konsep ‘belajar sambil melakukan’ (*learning by doing*) yang banyak menggunakan kemahiran tangan (DSKP, 2015).

Kurikulum MPEI yang lebih menumpukan kepada kemahiran vokasional boleh menyediakan murid untuk menghadapi cabaran negara pada masa hadapan. Hujah ini selari dengan pandangan Abubakar Aminu Boyi (2019) yang menyatakan bahawa perubahan dalam pendidikan di Nigeria yang memberi penekanan kepada pendidikan vokasional dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam jumlah yang tinggi dan berjaya merevolusikan bidang ekonomi dan sosial negara tersebut dengan melahirkan warganegara yang lebih berdikari. Namun begitu, beliau juga turut menegaskan bahawa keadaan sebegini hanya wujud jika dasar pendidikan vokasional dilaksanakan seperti yang dirancang.

Manakala Deutscher & Winther (2018) pula berpandangan suatu program atau pendidikan vokasional yang berkualiti untuk semua murid masih menjadi cabaran kepada banyak negara. Kualiti seseorang murid diukur melalui proses pentaksiran yang dilakukan terhadap mereka.





Pentaksiran konvensional yang hanya tertumpu kepada peperiksaan dilihat mempunyai banyak kekurangan di mana ia gagal untuk menilai potensi sebenar setiap murid (Ramlah 2016). Adalah tidak adil untuk menilai seseorang murid dengan hanya berdasarkan peperiksaan akhir tahun dan peperiksaan awam. Justeru itu, penilaian alternatif adalah perlu dalam menyokong penilaian konvensional bagi menghasilkan pentaksiran yang lebih telus dan adil.

Oleh sebab itu, melalui PPPM 2013-2025, KPM telah melakukan transformasi bagi mengatasi kekurangan dalam sistem pentaksiran sedia ada dengan merancang dan melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) secara berperingkat setelah melalui beberapa siri kajian, perbincangan dan persidangan dengan pakar dalam dan luar negara (KPM, 2011).



Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk (i) mengurangkan penekanan kepada peperiksaan awam, (ii) membuat pentaksiran yang berterusan, (iii) memperbaiki pembelajaran murid, (iv) pentaksiran yang holistik dan (v) membina modal insan dengan lebih berkesan. SPPK menggabungkan Peperiksaan Berpusat (PB) yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang dikendalikan oleh pihak sekolah.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah terbahagi kepada dua komponen iaitu komponen akademik dan komponen bukan akademik. Komponen akademik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian Pentaksiran Pusat (PP) dan bahagian Pentaksiran Sekolah (Hayati, 2019). Pada penghujung tahun 2016 Pentaksiran Sekolah telah dikenali sebagai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan mengekalkan semua konsep





Pentaksiran Sekolah dan melibatkan penentuan tahap penguasaan murid dalam setiap mata pelajaran (BPK, 2018).

Sehubungan itu, kajian penilaian terhadap pelaksanaan PBD perlu dilakukan selaras dengan saranan oleh Van der Kleij, Cumming, & Looney (2018) yang menyatakan bahawa penilaian pelaksanaan kurikulum atau sesuatu dasar kerajaan dalam sektor awam seperti pendidikan semakin penting kerana pelbagai pihak mendesak kerajaan menunjukkan bukti keberkesanaan sesuatu dasar kerajaan. Menurut Vedung (2017) kajian penilaian terhadap pelaksanaan dasar kerajaan boleh membantu ke arah kejayaan sesuatu dasar atau program kerajaan dengan mengenal pasti kesilapan dalam pelaksanaan dasar atau program tersebut.

1.2 Latar Belakang Kajian



Pendidikan vokasional merupakan salah satu pemangkin yang mempercepatkan pengeluaran tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang berketrampilan bagi sesebuah negara (Maharam & rakan, 2019). Seiring dengan matlamat ke arah negara maju dan perkembangan teknologi dalam industri. Transformasi kurikulum telah berlaku dalam kurikulum pendidikan kebangsaan dengan MPEI yang diperkenalkan dalam KSSM yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah PPPM 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa (BPK, 2014).

Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas ditawarkan kepada murid menengah atas tingkatan empat dan tingkatan lima. Dalam KSSM 10 Mata pelajaran Elektif Ikhtisas





diperkenalkan iaitu Sains Rumah Tangga, Pertanian, Asas Kelestarian, Reka Cipta, Sains Komputer, Prinsip Perakaunan, Sains Sukan, Ekonomi, Perniagaan dan Grafik Komunikasi Teknikal (BPK, 2014).

Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas memberi fokus kepada perubahan kurikulum yang merujuk kepada standard industri, badan profesional serta badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa. Ini merupakan satu inisiatif dalam usaha menyediakan modal insan berketrampilan dan seimbang dari segi kemahiran menghasilkan sesuatu serta memiliki kemahiran insaniah, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif dan mengamalkan budaya kerja yang profesional dalam menghadapi cabaran abad ke 21. MPEI ialah perluasan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi tingkatan Satu hingga tingkatan tiga di peringkat sekolah menengah rendah.



Mata pelajaran Sains Rumah Tangga (SRT) merupakan salah satu MPEI yang digubal berdasarkan kompetensi yang merujuk kepada standard industri, badan profesional serta badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa (BPK, 2015). Ini bertujuan bagi menyediakan kemahiran asas yang kukuh bagi murid melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama ke peringkat tertiar atau menceburi kerjaya yang dapat memberi sumbangan yang bermakna ke arah kemajuan negara.

Kompetensi murid mata pelajaran SRT dinilai melalui PP dan PBD. Pentaksiran Bilik Darjah dilaksanakan oleh guru berpanduan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM.



Pentaksiran Bilik Darjah adalah merupakan salah satu komponen penilaian dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Rajah 1.1 menunjukkan empat komponen dalam PBS.



Rajah 1.1 Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Sumber: Bahagian Perkembangan Kurikulum, (2018)

Pentaksiran Bilik Darjah adalah pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, direkod dan dilaporkan oleh guru (BPK, 2018). Berdasarkan kepada buku panduan pengurusan PBS yang dikeluarkan oleh LPM, KPM (2012) dan buku panduan pelaksanaan PBD yang dikeluarkan oleh BPK, KPM (2018).

Pentaksiran Bilik Darjah melibatkan pentaksiran formatif yang dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pelbagai instrumen seperti



lembaran kerja, kuiz, senarai semak, laporan tugas, kerja rumah dan ujian serta pentaksiran sumatif yang dilakukan pada akhir setiap unit pembelajaran, penggal, bulan dan tahun. Ini bermaksud pentaksiran ini adalah dilakukan oleh guru mata pelajaran yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut.

Konsep pentaksiran ini adalah sama dengan konsep pentaksiran dalam bilik darjah yang diterangkan oleh Russell & Airasian (2011); Mohd Najib (2011); McMillan (2013) dan (Black & Wiliam, 2018) yang menjelaskan bahawa pentaksiran bilik darjah dilakukan dengan guru merancang instrumen yang digunakan, membina item, mentadbir, menskor, menganalisis serta merekod dan melaporkan pentaksiran yang dilakukan terhadap murid bagi tujuan memantau prestasi murid mereka sendiri.



Pentaksiran Bilik Darjah adalah satu proses pentaksiran dalam bilik darjah yang bukan hanya untuk mengukur pencapaian murid tetapi ia dapat memberi ruang penambah baik secara berterusan kepada pembelajaran murid (Blackburn, 2017). Manakala Fives & rakan (2017) menjelaskan bahawa PBD memberi ruang kepada guru untuk memahami pembelajaran murid.

Oleh yang demikian, PBD memberi peluang kepada guru untuk memberi maklum balas yang lebih berkesan secara langsung kepada murid semasa proses pentaksiran formatif dilakukan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Ini dapat memberi motivasi dan tumpuan kepada pembelajaran oleh murid (Rands & Gansemer-Topf, 2017).



Maka dengan itu, KPM telah memberi fokus kepada pemantapan sistem pentaksiran masa kini supaya lebih holistik dan autentik dengan melakukan perubahan dan inovasi dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan. Menurut Ornstein & Hunkins (2016) kejayaan sesuatu perubahan atau inovasi pendidikan sangat bergantung kepada aspek pelaksanaannya.

Namun begitu, secara khususnya, pelaksanaan sesuatu inovasi program pendidikan atau kurikulum biasanya tidak dijalankan mengikut perancangan asal dengan sepenuhnya (Mohd Nordin, 2011; Gunasegaran, 2014; Rossi, 2018).

Oleh itu, bagi melihat pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah kebangsaan harian, kajian penilaian ini dilaksanakan dengan menggunakan Model Penilaian Stake *Countenance* (1967) yang biasa digunakan dalam penilaian kurikulum. Penilaian ini dibuat berdasarkan kepada tiga komponen dalam Model Stake *Countenance* iaitu input (*antecedents*), proses (*transactions*) dan hasil jangka pendek (*outcomes*).

Penilaian ini merupakan satu penilaian formatif di mana data formatif yang dikumpulkan pada peringkat awal pelaksanaan sesuatu kurikulum atau program pendidikan dapat membantu dalam penggunaan masa, sumber dan kewangan (Fitzpatrick & rakan 2017). Tambah mereka lagi penilaian pada peringkat awal pelaksanaan sesuatu kurikulum dan program pendidikan dapat memastikan pelaksanaan kurikulum atau program pendidikan dengan lebih berkesan.



1.3 Penyataan Masalah

Kurikulum MPEI Sains Rumah Tangga Tingkatan Empat mula dilaksanakan dalam KSSM sejak tahun 2017. Tujuan mata pelajaran SRT adalah untuk melahirkan murid yang berpengetahuan, berkemahiran asas dan memiliki kemahiran insaniah bagi meningkatkan kualiti hidup sendiri, keluarga dan komuniti. Selain itu, turut melahirkan murid berkualiti yang membolehkan mereka melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama ke peringkat tertiar atau menceburi kerjaya yang dapat menyumbangkan ke arah kemajuan negara (DSKP, 2015). Dalam hasrat untuk mencapai tujuan tersebut murid harus diberi bimbingan secara berterusan dan ini dapat dilakukan melalui aktiviti yang dilaksanakan dalam PBD.



Pelaksanaan PBD telah dikenal pasti sebagai satu kaedah yang boleh menghasilkan murid yang berkualiti kerana guru dapat memperbaiki pengajaran secara keseluruhan dan murid dapat memperbaiki pembelajaran secara keseluruhan (BPK, 2018). Namun begitu, timbul persoalan dalam pelaksanaan PBD dalam kurikulum pendidikan vokasional di sekolah. Persoalannya adakah pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dilaksanakan seperti yang dirancang? Selain itu, pelaksanaan PBD telah menimbulkan isu di mana pelaksanaan PBD didakwa menambah beban kerja guru (Sh. Siti Hauzimah, 2019). Persoalannya mengapakah pelaksana PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT menyebabkan guru merasa terbeban? Adakah pengetahuan asas guru dalam pelaksanaan PBD mencukupi? Adakah kemudahan dan sumber yang disediakan mencukupi, kondusif dan sesuai? Faridah & rakan (2014) mendakwa bahawa penyediaan dan latihan guru, proses pengajaran dan pembelajaran, penyediaan sumber, bahan dan peralatan, serta sistem penilaian dan pentaksiran adalah merupakan





isu dan cabaran dalam pelaksanaan mata pelajaran vokasional di sekolah menengah harian.

Manakala ibu bapa pula mendakwa anak mereka tidak aktif, kurang daya saing dan bosan dalam pembelajaran (Ramlah 2016). Justeru itu, timbul persoalan. Adakah pengetahuan dan kefahaman murid terhadap pelaksanaan PBD mempengaruhi pembentukan sikap positif murid? Menurut Noraini & Zamri (2016) tahap pengetahuan dan kefahaman murid berkaitan dengan PBD masih berada pada tahap sederhana. Pandangan ini menyokong dapatan kajian Shamsiah & rakan (2010) yang mendapati tahap pengetahuan dan kefahaman murid sekolah menengah terhadap pelaksanaan pentaksiran sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah sederhana. Selain itu, tanggungjawab murid juga menjadi persoalan. Adakah murid melaksanakan tanggungjawab mereka dalam pelaksanaan PBD?



Persoalan yang ditimbulkan dalam perbincangan di atas perlu dicari jawapan kerana kejayaan sesuatu kurikulum atau program pendidikan sangat bergantung kepada proses pelaksanaannya yang membolehkan matlamat dan objektifnya tercapai (Ramlah, 2016).

Justeru itu, kelemahan dan kekurangan sesuatu aspek dalam proses pelaksanaan kurikulum pendidikan vokasional yang menjadi penghalang kepada kejayaannya perlu dikenal pasti supaya ia dapat dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan harian seperti yang dirancang dan seterusnya mencapai objektif dan matlamatnya. Kebanyakan kajian penilaian mengenai program pendidikan biasanya memberi



penekanan kepada pencapaian matlamat berbanding dengan aspek pelaksanaan seperti proses dan reka bentuk program (James, Schraw, & Kuch, 2019).

Selain itu, kajian penilaian dalam pelaksanaan PBD sebelum ini hanya berfokus sama ada kepada guru atau kepada murid sahaja. Justeru itu, dapatan kajian sebelum ini tidak memberi data secara menyeluruh dalam pelaksanaan PBD (Ramlah, 2016).

Oleh yang demikian, kajian penilaian ini mengkaji pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT yang memberi fokus khusus kepada input, proses dan hasil jangka pendek pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah kebangsaan harian dari aspek guru dan murid. Kajian ini juga melihat kepada aspek kekangan pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di peringkat sekolah menengah kebangsaan harian yang seterusnya membolehkan aspek penambah baik pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dikenal pasti.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah kebangsaan harian. Kajian penilaian ini adalah berdasarkan model *Stake Countenance* bagi mengemukakan cadangan penambah baik bagi pelaksanaan PBD dalam kurikulum Mata pelajaran SRT pada masa hadapan.



1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap input (*antecedents*) pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga.
2. Mengenal pasti tahap proses (*transactions*) pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga.
3. Mengenal pasti tahap hasil jangka pendek (*outcomes*) pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga.
4. Mengenal pasti tahap kekangan guru melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga.
5. Mengenal pasti variabel yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga.
6. Mengenal pasti variabel yang menyumbang kepada sikap positif murid terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga.



1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dibentuk, kajian ini dijalankan dengan tujuan menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah tahap input (*antecedents*) pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga secara keseluruhan?

1.1. Guru

1.1a. Apakah tahap pengetahuan asas guru berkaitan Standard Prestasi?





1.1b. Apakah tahap pengetahuan asas guru berkaitan Aras Taksonomi Bloom?

1.1c. Apakah tahap pengetahuan asas guru berkaitan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)?

1.1d. Apakah tahap pengetahuan asas guru berkaitan kaedah pemarkahan?

1.1e. Apakah tahap pengetahuan asas guru berkaitan etika penilaian?

1.2. Murid

1.2a. Apakah tahap pengetahuan murid terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga?

1.2b. Apakah tahap kefahaman murid terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga?



1.3. Apakah tahap kemudahan dan sumber dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga?

2. Apakah tahap proses (*transactions*) aktiviti pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga secara keseluruhan?

2.1. Guru

2.1a. Apakah tahap proses pelaksanaan aktiviti pentaksiran guru dalam membuat perancangan?

2.1b. Apakah tahap proses pelaksanaan aktiviti pentaksiran guru dalam mentadbir ujian?





2.1c. Apakah tahap proses pelaksanaan aktiviti pentaksiran guru dalam menganalisis evidens dan mengaplikasi maklumat pentaksiran?

2.1d. Apakah tahap proses pelaksanaan aktiviti pentaksiran guru dalam membuat perekodan dan pelaporan?

2.2. Murid

2.2a. Apakah tahap proses tanggungjawab murid dalam aktiviti pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?

3. Apakah tahap pencapaian hasil jangka pendek (*outcomes*) pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga secara keseluruhan?



3.1. Guru

3.1a. Apakah tahap peningkatan pengetahuan guru hasil jangka pendek daripada pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?

3.1b. Apakah tahap peningkatan kemahiran guru hasil jangka pendek daripada pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?

3.2. Murid

3.2a. Apakah tahap pembentukan sikap positif murid hasil jangka pendek daripada pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?

4. Apakah tahap kekangan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga?





5. Apakah variabel yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan guru hasil pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam pelaksanaan kurikulum Mata pelajaran Sains Rumah Tangga?
6. Apakah variabel yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran guru hasil pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam pelaksanaan kurikulum Mata pelajaran Sains Rumah Tangga?
7. Apakah variabel yang menyumbang kepada pembentukan sikap positif murid hasil pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam pelaksanaan kurikulum Mata pelajaran Sains Rumah Tangga?

1.7 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian ke 5, 6 dan 7 penyelidik membentuk hipotesis kajian seperti berikut:

Hipotesis Ho.1 telah dibina bagi menjawab persoalan kajian 5.

Ho.1 Input pengetahuan asas guru seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, Kaedah Pemarkahan, Etika Penilaian, input kemudahan dan sumber, aktiviti pentaksiran seperti membuat perancangan, mentadbir, menganalisis evidens dan mengaplikasikan maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.

Hipotesis Ho.2 telah dibina bagi menjawab persoalan kajian 6.

Ho.2 Input pengetahuan asas guru seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, Kaedah Pemarkahan, Etika Penilaian, input





kemudahan dan sumber, aktiviti pentaksiran seperti membuat perancangan, mentadbir, menganalisis evidens dan mengaplikasikan maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.

Hipotesis Ho.3 telah dibina bagi menjawab persoalan kajian 7.

Ho.3 Input pentaksiran seperti pengetahuan dan kefahaman, tanggungjawab murid dalam pelaksanaan PBD bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum Mata pelajaran SRT.

1.8 Kepentingan Kajian



Kurikulum MPEI mata pelajaran SRT mula diperkenalkan pada tahun 2017 kepada murid Tingkatan Empat selaras dengan pelaksanaan KSSM dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Kaedah pentaksiran yang digunakan dalam mata pelajaran SRT terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pentaksiran Pusat dan Pentaksiran Bilik Darjah. Pelaksanaan PBD dalam kurikulum ini masih baharu dan memerlukan penilaian.

Oleh itu, kajian penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum ini, pertama dapat memberi maklumat yang sangat berguna kepada pelaksana kurikulum iaitu guru dalam proses membuat keputusan ke arah penambah baik pelaksanaan PBD dalam kurikulum ini pada masa hadapan. Contohnya pada fasa input (*antecedents*) kajian ini meneliti pengetahuan asas guru dalam aspek Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, kaedah pemarkahan, etika penilaian, pengetahuan murid,





kefahaman murid serta kemudahan dan sumber. Maklumat ini dapat digunakan bagi membuat penstrukturan berkaitan input tersebut. Disamping itu, kajian ini turut meninjau aktiviti pelaksanaan PBD dalam aspek membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis eviden dan mengaplikasikan maklumat, membuat perekodan dan pelaporan serta tanggungjawab murid dalam pelaksanaan PBD pada peringkat proses (*transactions*). Maklumat ini dapat digunakan dengan sewajarnya oleh guru supaya pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT berjalan dengan lancar dan berkesan. Manakala maklumat mengenai hasil jangka pendek (*outcomes*) dan kekangan dalam pelaksanaan dapat digunakan oleh guru SRT bagi penambah baik dalam pelaksanaan PBD supaya pencapaian matlamat pelaksanaan PBD kurikulum mata pelajaran SRT adalah seperti yang dirancang oleh pihak BPK, KPM.



Kedua, menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang kajian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dan seterusnya menjadi rujukan kepada para penyelidik untuk menjalankan penyelidikan pelaksanaan PBD dalam kurikulum dan program pendidikan yang lain seperti yang dikemukakan oleh Sander & Nafziger (2011) bahawa kajian pelaksanaan diakui oleh para penyelidik sebagai suatu kajian penting bagi memberi maklumat tentang pelaksanaan program, dasar dan kurikulum pendidikan.

Ketiga, kajian penilaian ini menyumbangkan satu contoh bentuk atau model penilaian kurikulum berasaskan model penilaian Model Stake *Countenance*. Justeru itu, kajian ini boleh dijadikan rujukan dan panduan pada masa hadapan kepada penyelidik yang berminat menjalankan kajian penilaian kurikulum menggunakan Model Stake *Countenance*.



1.9 Batasan Kajian

Terdapat kekangan di luar kawalan penyelidik seperti faktor masa dan kewangan, maka penyelidik membataskan kajian ini dalam beberapa aspek, pertama kajian ini hanya dijalankan di Negeri Kelantan iaitu 35 buah sekolah menengah harian dipilih kerana 35 buah sekolah ini sahaja yang menawarkan MPEI SRT Tingkatan Empat. Kajian ini terbatas kepada guru yang mengajar mata pelajaran SRT sahaja dan murid tingkatan empat yang mengambil MPEI SRT Tingkatan Empat sahaja.

Kedua, penyelidik menggunakan matrik deskripsi (*Description Matrix*) sahaja daripada dua matrik penilaian dalam Model Stake *Countenance* di mana fasa input (*antecedents*), fasa proses (*transactions*) dan fasa hasil jangka pendek (*outcomes*) matrik deskripsi sahaja yang dikaji. Aspek yang diberi tumpuan dalam penilaian setiap fasa adalah terhad seperti yang terkandung dalam kerangka konseptual kajian (Rajah 2.6).

Oleh kerana kajian penilaian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam pengumpulan data, maka dapatan kajian ini bergantung kepada kejujuran responden dalam memberi maklum balas terhadap pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik.



1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Penilaian

Penilaian mempunyai pentarifan yang berbeza mengikut pendekatan yang digunakan dalam sesebuah kajian penilaian. Stufflebeam & rakan (1971) mentarifkan penilaian sebagai suatu proses mengumpul dan menggunakan maklumat yang diperoleh dan seterusnya membuat keputusan untuk meneruskan sesuatu program atau sebaliknya.

Penilaian dalam pendidikan dijelaskan sebagai suatu aktiviti yang dirancang secara sistematik dan dilaksanakan bagi membantu pihak pembuat dasar membuat keputusan dalam meningkatkan kualiti program pendidikan atau kurikulum pendidikan (Stufflebeam 2017). Dalam kajian ini, definisi yang digunakan adalah definisi yang digunakan oleh Stake (1967) yang menerangkan penilaian sebagai proses membuat huraian dan pertimbangan ke atas suatu program atau kurikulum pendidikan yang sedang dijalankan.

1.10.2 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Pentaksiran Bilik Darjah adalah pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa dan dilaporkan oleh pihak sekolah dalam bentuk formatif yang dijalankan selari dengan proses pengajaran dan pembelajaran seperti lembaran kerja, pemerhatian, kuiz, senarai semak, laporan tugas, tugas rumah dan ujian bertulis secara formatif dan sumatif yang dijalankan pada akhir setiap unit pembelajaran, penggal, bulan dan tahun (BPK, 2018).





Dalam kajian ini penyelidik menggunakan definisi PBD sebagai pentaksiran bertulis yang dirancang, ditadbir, diperiksa dan dilaporkan oleh pihak sekolah secara formatif dan sumatif yang melibatkan guru dan murid mata pelajaran SRT Tingkatan Empat di sekolah menengah harian (BPK, 2018).

1.10.3 Kurikulum Mata Pelajaran SRT

Kurikulum adalah satu pelan atau rancangan untuk tindakan atau satu dokumen bertulis yang mengandungi strategi untuk mencapai matlamat yang dikehendaki (Ornstein & Hankins 2013). Kurikulum mata pelajaran SRT dalam kajian ini merujuk kepada MPEI SRT yang ditawarkan kepada murid Tingkatan Empat di sekolah menengah kebangsaan harian, yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 dalam KSSM sistem pendidikan kebangsaan (BPK, 2018).



1.10.4 Input (*antecedents*)

Input adalah sumber yang digunakan untuk mengoperasikan suatu program atau kurikulum pendidikan yang dirancang termasuk manusia, kewangan, organisasi, komuniti, infra struktur atau kemudahan (Stake 1967).

Dalam kajian ini penyelidik mendefinisikan input sebagai sumber yang mendukung pelaksanaan PBD yang terdiri dari aspek pengetahuan asas guru berkaitan aspek Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi (JSU), kaedah pemarkahan dan etika penilaian; aspek murid berkaitan dengan pengetahuan murid





dan kefahaman murid serta aspek kemudahan dan sumber. Ini dapat diuraikan seperti berikut:

1.10.4.1 Pengetahuan Asas Guru

Dalam kajian ini pengetahuan asas guru merujuk kepada pengetahuan sedia ada guru berkaitan dengan ilmu pentaksiran yang diperoleh semasa mengikuti pengajian dalam program pendidikan sama ada diperingkat sijil pendidikan, diploma pendidikan atau ijazah pendidikan, kursus penataran Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau kursus yang diikuti sepanjang perkhidmatan yang berkaitan dengan pentaksiran seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, kaedah pemarkahan dan etika penilaian (Ramlah, 2016).



1.10.4.2 Pengetahuan Murid

Dalam kajian ini, pengetahuan murid merujuk kepada pengetahuan murid terhadap aspek maklumat berkaitan PBD seperti pelaksanaan PBD tidak menyukar dan membebaskan murid serta memudahkan murid untuk berjaya dan PBD akan lebih disukai oleh murid (Noraini & Zamri, 2016).

1.10.4.3 Kefahaman Murid

Dalam kajian ini kefahaman murid merujuk kepada kefahaman murid tentang tujuan PBD, band pentaksiran, skor pentaksiran, minat untuk belajar dan masa yang banyak digunakan bagi melakukan tugas dalam PBD (Noraini & Zamri, 2016).





1.10.4.4 Kemudahan dan sumber

Dalam kajian ini kemudahan dan sumber merujuk kepada kecukupan dan kekondusifan infrastruktur, kemudahan pencetakan, kesesuaian tempat untuk menyimpan bahan pentaksiran, kesesuaian Standard Kurikulum yang disediakan oleh pihak BPK, KPM dengan kebolehan dan keperluan murid, kecukupan bahan rujukan dan peruntukan kewangan yang disediakan bagi melaksanakan aktiviti PBD (Ramlah, 2016).

1.10.5 Proses (*transactions*)

Proses merupakan segala aktiviti, perkhidmatan dan kaedah penyampaian yang disediakan dalam suatu program atau kurikulum pendidikan kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program atau kurikulum tersebut dalam mencapai matlamatnya. Dalam kajian ini, proses merujuk kepada aktiviti guru dan tanggungjawab murid dalam melaksanakan PBD.

1.10.5.1 Aktiviti

Aktiviti adalah proses, alat, peristiwa, teknologi dan tindakan yang merupakan sebahagian komponen dalam pelaksanaan program atau kurikulum pendidikan yang membawa kepada perubahan terhadap program atau kurikulum tersebut (Kellogg 2004).





Dalam kajian ini aktiviti merujuk kepada aktiviti pentaksiran yang dilakukan oleh guru dalam melaksanakan PBD seperti membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis eviden dan mengaplikasi maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan (Ramlah, 2016).

1.10.5.2 Tanggungjawab Murid

Tanggungjawab merujuk kepada kemampuan seseorang untuk melakukan sesuatu kewajiban atau tugas atas dorongan dari dalam dirinya sendiri. Agus (2012) mendefinisikan tanggungjawab sebagai tingkah laku seseorang dalam melaksanakan tugas dan kewajibannya sama ada terhadap dirinya sendiri, masyarakat dan alam sekitar.



Dalam kajian ini, tanggungjawab merujuk kepada tanggungjawab murid dalam proses pelaksanaan PBD dari aspek menghadirkan diri dalam taklimat mata pelajaran SRT, mengetahui kriteria pentaksiran, kaedah penskoran, berbincang dengan guru tentang pelaksanaan pentaksiran dan menunjukkan bahan bukti dalam sesuatu bidang yang ditaksir.

1.10.6 Hasil Jangka Pendek (*outcomes*)

Penilaian hasil (*outcomes*) merupakan perubahan khusus yang berlaku pada setiap individu yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu program atau kurikulum pendidikan seperti perubahan sikap, tingkah laku, pengetahuan, kemahiran (Stake 1967). Penilaian jangka pendek sepatutnya dicapai dalam masa 1 hingga 3 tahun, manakala



hasil jangka panjang harus dicapai dalam jangka masa 4 hingga 6 tahun (Kellogg 2004).

Dalam kajian ini, penilaian hasil jangka pendek merujuk kepada hasil jangka pendek yang berlaku akibat daripada penyertaan guru dan murid dalam pelaksanaan PBD dari aspek peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran guru serta pembentukan sikap positif murid.

1.10.6.1 Peningkatan Pengetahuan

Rockwell & Bennett (2004) mentarifikan peningkatan pengetahuan sebagai kesedaran, kefahaman dan keupayaan untuk menyelesaikan masalah. Dalam kajian ini, penyelidik merujuk pengetahuan sebagai pencapaian standard pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD berdasarkan Standard yang ditetapkan dalam *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of students* (1990) oleh National Education Association of United States dan *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of students* (Sanders & Vogel, 1993) seperti membuat pentaksiran sebelum, semasa dan selepas pentaksiran, membuat jangkaan untuk mencapai prestasi murid yang jelas, mengemas kini rekod prestasi murid, menggunakan maklumat untuk merancang dan mengubah suai pengajaran serta pembangunan akademik dan emosi murid secara berterusan.

1.10.6.2 Peningkatan Kemahiran

Kemahiran merujuk kepada kebolehan lisan atau fizikal yang ada pada seseorang (Rockwell & Bennett, 2004; Rockwell & rakan, 2012). Dalam kajian ini, penyelidik

mendefinisikan peningkatan kemahiran sebagai pencapaian standard kemahiran guru merujuk kepada pencapaian standard kemahiran guru dalam melaksanakan PBD dalam pelaksanaan kurikulum mata pelajaran SRT Tingkatan Empat seperti yang ditetapkan di dalam *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of students* (1990) oleh National Education Association of United States dan *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of students* (Sanders & Vogel, 1993) seperti kemahiran mentadbir, mentafsir dan menggunakan prosedur penggredan murid yang sah, menggunakan hasil pentaksiran untuk membuat keputusan, membangunkan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut pentaksiran, berkomunikasi tentang keputusan pentaksiran kepada murid, ibu bapa atau pentadbir dan menggunakan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

1.10.6.3 Sikap Positif Murid

Dalam kajian ini penyelidik mendefinisikan sikap positif murid seperti yang dicadangkan oleh Kamisah & rakan (2007) iaitu persedian mental yang neutral yang disusun mengikut pengalaman yang memandu tindakan seseorang terhadap rangsangan yang diberi bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam aspek tingkah laku murid yang positif yang ditonjolkan oleh murid hasil dari pengetahuan dan kefahaman murid dalam pelaksanaan PBD seperti menghadirkan diri dalam taklimat PBD, membuat latihan dan tugas, merancang aktiviti tugas, tekun belajar, mendapatkan bantuan guru dalam mendapatkan band yang terbaik, segera memperbaiki hasil kerja setelah disemak oleh guru, melakukan aktiviti pembelajaran bersama rakan dan berupaya memberi tunjuk ajar pada rakan, menggunakan bahan



rujukan dan laman web ketika membuat pentaksiran dan seronok dalam melaksanakan tugas pentaksiran serta berfikir dengan mendalam membuat PBD.

1.10.7 Kekangan

Ramlah (2016) mendefinisikan kekangan sebagai menghalang supaya sesuatu jangan berlaku, menahan, menyekat atau mencegah. Dalam kajian ini, kekangan didefinisikan sebagai halangan yang menyekat, menahan, atau mencegah pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT bagi mencapai matlamatnya seperti aspek pelaksana (guru), pentadbiran, murid mata pelajaran SRT dan masa.

1.11 Kesimpulan



Kajian terhadap penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dalam kalangan guru dan murid sekolah menengah harian adalah bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dan kekangan bagi mengemukakan cadangan penambah baik pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT pada masa hadapan.

Bab ini telah membincangkan perkara yang menjadi asas kepada kajian seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Akhir sekali, beberapa definisi operasional diberi bagi menjelaskan istilah yang digunakan terutama di dalam kerangka konsep kajian.

